

Sejarah Mempengaruhi Budaya Bahasa Melayu

Sebelum Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15, sudah wujud kerajaan awal di Semenanjung Tanah Melayu. Kerajaan-kerajaan ini wujud hasil perkembangan perdagangan dan berfungsi sebagai perdagangan, serta pelabuhan bebas. Kewujudan kawasan lembah sungai utama di Semenanjung menjadi utama dalam hubungan perdagangan dengan India dan China. Ketika inilah Kerajaan Kelantan dikenali sebagai Chi-La-Tan, Terengganu dikenali sebagai Ting-tia Lu, dan Kuala Berang dikenali sebagai Fo-Lo-An. Kerajaan Langkasuka purbakala pula dikenali sebagai tani masa kini.

Kedah Tua pula sering dikaitkan dengan kewujudan nempatan pesisir pantai dan perairan sungai di kawasan Lembah Bujang, sebuah kerajaan Hindu-Iddha yang setara dengan Kerajaan Angkor, Campa, Vijaya dan Majapahit. Kerajaan ini dikatakan wujud sekitar kurun kedua Sebelum Masihi hingga kurun ke-14. Kerajaan Kedah Tua banyak dirujuk dalam teks klasik untuk memerikan aspek pentadbiran, perubahan sukodaya, pemerintahan dan kekuasaan raja hingga ke kedatangan Islam di Kedah. Nempatan ini didiami oleh masyarakat peribumi Melayu. Antara sumber yang terkenal termasuklah *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Tarikh Sulasilah Negeri Kedah* dan *Hikayat Seri Kelantan*.

Awal Dunia Melayu

Menurut Andaya (1982:18), penulisan buku sejarah Melayu banyaknya bermula sewaktu kerajaan abad ke-15, iaitu zaman Kerajaan Melaka, dan juga dikaitkan dengan kerajaan Sriwijaya pada abad ketujuh hingga abad ke-11. Dengan kata lain, sejarah Melayu berasaskan Semenanjung Malaysia, manakala yang kedua berasaskan pembangunan kerajaan Melayu di barat daya Sumatera. Sejak abad ketujuh lagi, sudah wujud kumpulan masyarakat yang bertutur dalam bahasa yang dikenali sebagai bahasa Melayu. Kumpulan ini juga dirujuk sebagai "kelompok masyarakat Tanah Melayu". Mereka juga dirujuk Andaya sebagai "Melayu Laut" yang mempunyai hubungan dengan kegiatan perdagangan di kawasan Kepulauan Melayu.

Pada akhir abad ketujuh, Kerajaan Sriwijaya berkembang di Palembang, dan hal yang sedemikian dibuktikan dengan penulisan inskripsi yang menggunakan bahasa Melayu. Namun, hal yang demikian ini tidak merujuk masyarakat Melayu secara langsung. Namun, apabila Sriwijaya diambil alih oleh kerajaan Melayu yang terletak di Jambi, penduduk Melayu mulai dikenali sebagai "orang Melayu". Batu nisan merupakan bukti bahawa Melayu merupakan bahasa Kerajaan Sriwijaya dan Melayu, selain berkongsi kebudayaan yang sama.

Teori yang dikemukakan oleh Bellwood-Blust pula berupaya menjejaki asal usul Melayu. Teori ini menjelaskan wujudnya petempatan awal penutur proto-Austronesia di Taiwan antara 4000 dan 3000 Sebelum Masihi. Dari Taiwan, dikatakan petempatan ini melebar ke utara Filipina pada abad sebelum 3000 Sebelum Masihi. Ketika inilah peluasan dan penyebaran berlaku ke seluruh Filipina, dan wujudnya Melayu Proto-Polinesia pada 2500 Sebelum Masihi. Pada tahun 2000 Sebelum Masihi, rumpun bahasa Melayu Proto-Polinesia mulai berkembang melalui penghijrahan terus ke Filipina Selatan, Sulawesi, Maluku dan Borneo. Di barat Borneo, petempatan berlaku pada antara tahun 1500 dan 500 Sebelum Masihi.

Bahasa Melayu yang tergolong ke dalam keluarga bahasa Proto-Austronesia secara linguistik ialah cabang kumpulan Malayo-Chamic. Di sinilah terdapat bahasa Malayic yang berasal daripada proto-Melayu dan pelbagai dialek Melayu, termasuklah, Minangkabau. Dikatakan bahawa bahasa Malayo-Chamic berasal dari Borneo barat dan mengambil masa beratus tahun Sebelum Masihi untuk melebar keluar dari Tambelan dan Kepulauan Riau ke Semenanjung Melayu. Dari Semenanjung Melayu, satu kumpulan bergerak ke Tenggara Sumatera kemudian ke pesisiran Vietnam dan menjadi keturunan penutur bahasa Cham. Namun, sebelum 1000 Sebelum Masihi, kumpulan utara Cham meninggalkan pusat Vietnam untuk berhijrah, dan kemudian menjadi penutur bahasa Aceh di utara Sumatera (Andaya, 2008:20).

Menurut kajian terkini oleh Bellwood (2007:105), cabang utama Austronesia ialah Formosan dan Malayo-Polinesia. Malayo-Polinesia barat mencakupi Filipina, Madagaskar, Semenanjung Melayu, Sumatera, Borneo, Jawa, Bali, Sulawesi, Lombok, Barat Sumbawa, bahasa Palauan, Chamoro di barat Mikronesia, timur tengah Malayo-Polinesia, bawah Sunda dari timur Sumbawa dan wilayah Maluku, kecuali Halmahera. Timur Malayo-Polinesia pula meliputi Selatan Halmahera dan keseluruhan kepulauan pasifik bahasa Austronesia, iaitu Melanesia, Micronesia dan Polinesia. Selain itu, cabang utama Austronesia ialah Selatan Halmahera, iaitu New Guinea barat dan Oceanica.

Tanah Melayu

Istilah Tanah Melayu merujuk kawasan petempatan Melayu di Semenanjung Malaysia. Kawasan ini pernah dikenali sebagai Semenanjung Emas atau *Chersonesus Aurea* seperti yang dicatatkan oleh Claudius Ptolemy dalam *Geographike Huihesis* atau Pemanduan Geografi untuk pemetaan dunia masyarakat Hellenistik pada tahun kedua Masihi. Ahli geografi, astronomi dan matematik ini dikatakan pernah sampai ke Semenanjung Tanah Melayu. Kawasan Semenanjung Emas juga disebut sebagai *Maleukolon* yang berasal daripada istilah Sanskrit Malayakolam

atau malaikurram, berdasarkan sumber Greek yang ditulis oleh Ptolemy.

Tanah Melayu juga wujud dalam teks klasik atau karya agung Melayu. *Hikayat Hang Tuah* pernah menyebut Tanah Melayu bagi merujuk kawasan yang berada di bawah kekuasaan Kesultanan Melayu Melaka. Hikayat ini wujud pada awal abad ke-17. Sebelum itu, sejak seawal tahun 1513, didapati Tanah Melayu sudah wujud apabila Martin Waldseemüller dari Jerman memetakan kawasan Tanah Melayu dan pusat perdagangan, termasuk di Borneo. Tanah Melayu merujuk kawasan yang dipengaruhi oleh kekuasaan Kerajaan Melaka.

Keme Pires pernah merujuk Tanah Melayu sebagai *Terra de Tana Malaiio*, iaitu kawasan Asia Tenggara yang meliputi wilayah Sumatera, tempat Sultan Mahmud Syah Melaka hidup sebagai buangan selepas serangan Portugis. Menurut Emanull Godinho de Eredia, ahli kartografi, pada abad ke-17, wilayah *Malaios* merujuk kawasan yang dikelilingi Lautan Andaman di utara, menguasai Selat Melaka dan juga wilayah selatan Selat Sunda, serta barat Laut China Selatan di bahagian Timur. Berdasarkan sumber inskripsi India pula, istilah *Malaiur* merujuk sebuah kerajaan yang mempunyai benteng kuat di pergunungan, manakala sumber teks *Yayui Purana* merujuk Semenanjung Melayu sebagai *Malayadvipa*, sebuah sebuah kepulauan benua yang terdapat pergunungan melatarnya. Sumber sejarah Cina Dinasti Yuan pula menggunakan istilah *Ma-li-yu-er* yang merujuk wilayah Melayu di semenanjung akibat peluasan kuasa oleh Raja Ram Khamhaeg daripada Kerajaan Sukhotai.

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, perkataan Tanah Melayu sudah wujud, malah melangkaui Semenanjung Tanah Melayu hingga meliputi Inderagiri, Siantan, Kampar dan Siak. Kesemua negeri ini terletak di pantai timur Sumatera, dan dikenali sebagai negeri-negeri yang didiami oleh orang Melayu, dan mempunyai nilai-nilai kebersamaan yang tinggi, khususnya dari segi kepercayaan agama, adat dan budaya hidup. Fahaman kemelayuan inilah yang menyebabkan negeri-negeri Melayu yang lain turut membantu apabila berlakunya serangan Siam pada era tradisional Melaka. Begitulah utuhnya fahaman kebangsaan hingga sama-sama ingin merdeka. Bibit-bibit nasionalisme yang diwarnai

rasa kekitaan dan keserumpunan, serta penyatuan bersama inilah juga melahirkan idea konsep Melayu Raya atau Indonesia Raya. Lantaran itu, wujudnya Kesatuan Melayu Muda yang turut dianggotai nasionalis seperti Ibrahim Yaakob yang pernah menjadi ahli parlimen di Indonesia.

Tanah Melayu kepada Persekutuan Tanah Melayu

Kolonialisme membawa perpecahan dunia Melayu sejak perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Hal yang sedemikian ini bermakna, secara undang-undang kolonial, Kepulauan Melayu dibahagikan kepada dua pengaruh, iaitu Inggeris dan Belanda. Empayar Johor-Riau yang terkenal sebagai empayar yang kuat selepas kejatuhan Melaka, kini terpecah akibat perjanjian tersebut. Riau jatuh di bawah pengaruh Belanda dan akhirnya menjadi sebahagian daripada Indonesia, meskipun Melayu Riau sangat mirip dengan Melayu Johor. Belanda dan Inggeris mulai memberikan fokus kepada tanah-tanah jajahan lain secara lebih sistematik.

Tanah Melayu dipecahkan oleh kolonial melalui pembahagian dalam pembentukan negeri-negeri Melayu, misalnya pembentukan Negeri-negeri Selat yang terdiri daripada negeri Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Selepas Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, negeri-negeri ini yang sejak awal dikuasai oleh Inggeris, digabungkan menjadi Negeri-negeri Selat atas alasan menjimatkan perbelanjaan dan keseragaman pentadbiran. Negeri-negeri Selat menjadi koloni Mahkota British pada tahun 1867, dan pejabatnya dipindahkan ke Pejabat Tanah Jajahan di London. Gabenor dipertanggungjawabkan memerintah Negeri-negeri Selat.

Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) ialah idea kolonial membentuk sebuah persekutuan untuk negeri Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan pada tahun 1895. Penjajahan yang lebih sistematik ini dilakukan agar lebih banyak penyeragaman dan eksploitasi secara maksimum. Pembentukan NNMB memastikan cengkaman penjajahan lebih ampuh untuk mengawal penentangan penduduk tempatan supaya menjadi lebih lemah dengan adanya gabungan pasukan pertahanan ini.

Realiti Politik di Bawah Kolonial

Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis kecuali Johor sebelum ini kebanyakannya di bawah naungan Siam. Apabila Inggeris ingin memperluas kekuasaan, maka Perjanjian Bangkok 1909 dimaterai bersama-sama Siam. Hal yang sedemikian ini bermakna, Inggeris dapat memaksa negeri-negeri Melayu ini menerima seorang penasihat British, kecuali Johor yang hanya menerima konsul British kerana Sultan Abu Bakar Daeng Ibrahim telah menangi Perjanjian Persahabatan dengan British pada tahun 1855 untuk memastikan kebebasan dan kedaulatan tanpa banyak campur tangan Inggeris.

Pembentukan Negeri-negeri Selat ternyata menyerlahkan kepentingan Inggeris. Hal yang sedemikian ini dapat dilihat apabila sistem pendidikan di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura lebih banyak memberikan penekanan terhadap bahasa Inggeris. Sekolah Inggeris lebih banyak didirikan di negeri ini berbanding negeri lain. Penang Free School ditubuhkan pada tahun 1816 di kawasan bandar dengan bantuan sama ada daripada pihak Inggeris atau mubaligh. Sistem pelajaran berpusatkan sekolah Inggeris di London. Tujuan sekolah ini didirikan adalah untuk menghasilkan pegawai tadbir rendah bagi memenuhi keperluan di sektor awam. Sistem pendidikan ini terdiri daripada peringkat rendah dan menengah. Untuk memberikan ruang kepada pengembangan pendidikan Inggeris, program latihan guru dimulakan pada tahun 1905 di Kuala Lumpur dan 1907 di Pulau Pinang. Oleh hal yang demikian ini, berkembangnya Kolej Raffles di Singapura, dan pendidikan tinggi pada peringkat diploma mula ditawarkan. Perkara yang sedemikian ini berlaku di negeri yang kebanyakannya penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik, khususnya etnik Cina, manakala bagi Negeri-negeri Tidak Bersekutu pula, bahasa rasmi ialah bahasa Melayu dengan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi.

Di Negeri-negeri Selat, pengenalan sistem pendidikan persekolahan Melayu moden juga diperkenalkan. Perkara ini berlaku kerana pihak Inggeris tidak mahu melihat perkembangan sekolah

x Language - General

x pg = 38 - 41

Control Nos: 0000293097

an agama, khususnya sekolah
ndok. Justeru, sekolah Melayu
lirinkan dari semasa ke semasa bagi
-mnggirkan peranan sekolah
ndok. Pengenalan sekolah Melayu
-layu menimbulkan negeri-negeri
-layu turut berminat mendirikan
-kolah Melayu dan memajukan
-tem persekolahan Melayu.

Negeri-negeri Selat, Negeri-
-geri Melayu Bersekutu (NNMB)
-n Negeri-negeri Melayu Tidak
-rsekutu akhirnya digabungkan
-lan pembentukan Malayan
-ion. Selepas Malayan Union
-atalken, maka Persekutuan Tanah
-layu ditubuhkan pada tahun 1948
-nggalah, terbentuknya Malaysia
-ngan penyatuan Persekutuan
-nah Melayu, Borneo Utara (Sabah),
-rawak dan Singapura pada tahun
-53.

Masyarakat Majmuk dan Bahasa

jarah kolonial membentuk
-daya multietnik di Malaysia.
-lah penduduk Malaysia pada
-nun 2016 ialah sebanyak 31.7
-aja yang terdiri daripada 16.4 juta
-raki dan 15.3 juta perempuan.
-ari segi etnik, 68.7 peratus
-nduduknya terdiri daripada
-ni bumiputera yang merupakan
-ngan majoriti. Daripada
-7 peratus, terdapat 90.9 peratus
-miputera Melayu, manakala
-mbilan peratus bumiputera
-n. Etnik Cina mewakili 23.4
-ratus, etnik India mewakili tujuh
-ratus dan kelompok kategori
-n pula sekitar 0.9 peratus
-erangkaan pada tahun 2016).
-ari segi agama 64.3 peratus
-nduduknya beragama Islam,
-2 peratus beragama Buddha,
-ristian 7.3 peratus, Hindu 6.5
-ratus, agama-agama lain (Sikh,
-hudi, agama tradisional Cina)
-ewakili 1.7 peratus, manakala
-aya terdapat 1.7 peratus yang
-da agama atau tidak diketahui
-ama mereka.

Berdasarkan jumlah etnik
-sebut, bahasa Melayu
-erupakan bahasa kebangsaan
-alaysia. Bahasa Melayu ialah
-lah satu daripada empat tonggak
-adisi dalam Perlembagaan
-rsekutuan. Tonggak lain ialah
-ndudukan Raja-Raja Melayu,
-istimewaan orang Melayu dan
-ama Islam yang telah sedia
-a sebelum perlembagaan
-gubal oleh Suruhanjaya Reid

pada tahun 1956. Suruhanjaya
-erkenaan memasukkan keempat-
-empat tonggak ini dalam
-perlembagaan dan dianggap
-sebagai kontrak sosial orang
-Melayu dan bukan Melayu dalam
-soal mendapatkan kerakyatan
-secara jus soli (Nazri Muslim
-et al, 2011:113). Dalam Perkara
-152, bahasa Melayu dijadikan
-sebagai bahasa kebangsaan dan
-dilindungi oleh Perlembagaan
-Persekutuan. Dalam Perkara
-10(4) dijelaskan bahawa bahasa
-Melayu adalah antara perkara
-sensitif yang dilarang daripada
-dibahaskan di tempat terbuka
-atas tujuan keselamatan dan
-ketenteraman awam. Kedudukan
-ini juga begitu kukuh kerana hal
-yang sedemikian ini tidak boleh
-dipinda oleh Parlimen sekiranya
-tidak mendapat sokongan dua
-pertiga setiap ahli Dewan Negara
-dan Dewan Rakyat, dan perkenan
-Majlis Raja-Raja melalui Perkara
-159(5) (Nazri Muslim et al,
-2011:115). Kedudukannya sebagai
-bahasa rasmi, baik pada peringkat
-kerajaan persekutuan mahupun
-kerajaan negeri, dan termasuk
-apa-apa tujuan untuk sesuatu
-kuasa awam, diperkuh dari
-segi penggunaannya, kecuali atas
-beberapa perkara yang dibenarkan
-oleh undang-undang seperti
-yang termaktub dalam seksyen 4,
-Akta Bahasa Kebangsaan. Antara
-pencegkalian tersebut termasuklah
-bagi tujuan hubungan diplomatik
-dan latihan yang dijalankan oleh
-pakar-pakar asing (Nazri Muslim
-et al, 2011:115). Keampuhan
-kedudukan bahasa kebangsaan
-terserlah apabila terdapat
-peruntukan dalam Perkara
-160(b) yang menjelaskan,
-jika Perlembagaan ini telah
-diterjemahkan ke dalam bahasa
-kebangsaan, Yang di-Pertuan
-Agong boleh menetapkan teks
-bahasa kebangsaan itu sebagai
-teks sah, dan selepas itu, jika ada
-percanggahan atau perselisihan
-antara teks bahasa kebangsaan
-itu dengan teks bahasa Inggeris
-Perlembagaan ini, teks bahasa
-kebangsaan itu hendaklah
-mengatasi teks bahasa Inggeris itu.

Realiti Bahasa Kebangsaan Tercabar

Pada tahun 1993 disaran
-bidang sains dan teknologi
-diajarkan dalam bahasa Inggeris

walaupun pada ketika itu tidak
-ada masalah besar untuk mengajar
-bidang tersebut dalam bahasa
-kebangsaan. Apabila pengumuman
-bahawa pembelajaran sains dan
-teknologi dalam bahasa Inggeris
-untuk pengajian tinggi awam
-dibuat pada 22 Jun 1995, ternyata
-pengumuman tersebut dibuat
-sebelum pengubalan semula
-akta baharu. Pada penghujung
-tahun 1995 dan awal 1996, lima
-akta telah diluluskan untuk
-menggantikan Akta Pelajaran 1961.
-Hal yang sedemikian ini dilakukan
-untuk mencapai kecemerlangan
-dalam bidang pendidikan.

Rang Undang-Undang
-Universiti dan Kolej Universiti
-(pindaan) 1995 telah diluluskan
-oleh Dewan Rakyat dan Dewan
-Negara pada penghujung tahun
-1995. Dokumen yang menentukan
-corak perkembangan pendidikan
-tinggi negara ialah Rang Undang-
-Undang Institut Pendidikan Tinggi
-Swasta (IPTS) yang memberikan
-kuasa kepada Menteri Pendidikan
-untuk memberikan kelulusan sama
-ada sesebuah IPTS itu diiktiraf
-bertaraf universiti, baik yang
-ditubuhkan di Malaysia
-ataupun kepada universiti luar
-negara yang mengembangkan
-kampusnya di negara ini (Awang
-Azman Awang Pawi, 2002:175).

Pengajaran sains dan teknologi
-dalam bahasa Inggeris di
-universiti (1993) dan Pengajaran
-dan Pembelajaran Sains dan
-Matematik dalam Bahasa Inggeris
-(PPSMI) di sekolah (2003-
-2011) menjejaskan perjuangn
-memartabatkan bahasa Melayu
-sebagai bahasa sains teknologi
-dan bidang keilmuan lain. Alasan
-yang dikemukakan adalah dilihat
-melalui teori hegemoni, iaitu
-melalui politik, pendidikan dan
-insitui. Oleh sebab itu, apabila
-termaktubnya Akta Pendidikan
-Tinggi Swasta 1995, raturan kolej
-atau universiti ditubuhkan yang
-hampir semuanya mengutamakan
-bahasa Inggeris. Dalam soal
-yang sedemikian inilah terserlah
-kerapuhan jati diri untuk
-mendaulatkan bahasa kebangsaan.
-Jati diri bahasa dalam kalangan
-masyarakat negara ini belum lagi
-setinggi jati diri rakyat Thailand,
-Indonesia, Vietnam dan Korea
-Selatan.

Pengisytiharan kerajaan pada
-tahun 2002 membawa pengertian
-bahawa sains dan matematik
-diajarkan dalam bahasa Inggeris

dari peringkat sekolah menengah
-hingga peringkat pengajian
-tinggi. Akan tetapi, ironinya,
-Perlembagaan Persekutuan
-Malaysia Perkara 152(1) telah
-memperakukan bahawa bahasa
-Melayu ialah bahasa rasmi dan
-merupakan bahasa kebangsaan.
-Berdasarkan hal yang sedemikian
-itu, pertukaran medium pengajaran
-mata pelajaran sains dan
-matematik ke bahasa Inggeris
-sebenarnya tidak selari dengan
-Dasar Pelajaran Kebangsaan yang
-termaktub dalam Akta Bahasa
-Kebangsaan 1967. Penggunaan
-bahasa Melayu, bermula pada
-1 September 1967. Pelaksanaan
-tersebut berjalan dengan lancar
-dan bermula daripada peringkat
-rendah hingga peringkat pengajian
-tinggi (Andaya,1983: 324-27).

Malah, Akta Pendidikan
-1996 juga telah dibuat untuk
-memperluas penggunaan bahasa
-kebangsaan sebagai bahasa
-pengantar utama di sekolah dan
-institusi pendidikan swasta.
-Dalam seksyen 17 Akta tersebut,
-dimaktubkan bahawa: (1) Bahasa
-Kebangsaan hendaklah menjadi
-bahasa pengantar utama di semua
-institusi pendidikan dalam Sistem
-Pendidikan Kebangsaan, kecuali
-sekolah seperti yang terkandung
-di bawah seksyen 28 atau mana-
-mana institusi pendidikan lain
-yang dikecualikan oleh Menteri
-daripada subseksyen ini (Wan
-Mohd Zaid Mohd Noordin, 1993:
-325) Namun, secara realitinya,
-peluasan penggunaan bahasa
-kebangsaan di instusi pendidikan
-swasta kurang berjaya.

Akta Institusi Pendidikan
-Swasta 1996 memberikan
-kebenaran penubuhan universiti
-atau kolej swasta, dan hal yang
-sedemikian ini tertakluk kepada
-kelulusan Menteri Pendidikan.
-Walaupun bahasa pengantar
-utama bagi universiti dan
-kolej universiti ini ialah bahasa
-kebangsaan, namun peruntukan
-akta ini seakan-akan diabaikan.
-Alasan yang diberikan ialah
-kekurangan penyarah yang
-mahir dalam bahasa kebangsaan.
-Berdasarkan pemerhatian
-penulis, didapati hampir 100
-peratus kursus dalam jurusan
-sains dan teknologi dan bidang
-perekonomian menggunakan
-bahasa Inggeris sebagai bahasa
-pengantar, walaupun pengajarnya
-terdiri daripada orang tempatan
-yang fasih dalam bahasa

kebangsaan. Hal yang sedemikian
-ini merupakan cabaran kepada
-status bahasa kebangsaan terhadap
-tuntutan semasa dan pasaran
-global yang sering dilanga-
-lumkan. Namun, tidak ada pula
-kajian spesifik yang menyatakan
-keperluan tersebut dalam konteks
-Malaysia dikemukakan.

Melalui dasar Pengajaran
-dan Pembelajaran Sains dan
-Matematik dalam bahasa Inggeris
-untuk meningkatkan pembelajaran
-dan penguasaan bahasa Inggeris
-pelajar secara signifikan. Namun
-demikian, prestasi pelajar Malaysia
-menurun dalam mata pelajaran
-sains dan matematik dalam ujian
-antarabangsa TIMMS 12007,
-2911 dan ujian PISA 2012 dan
-menyebabkan peratus pelajar
-memilih jurusan sains berkurangan
-berbanding sebelum PPSMI.
-Pengenalan Dual Language
-Program pula mendapat reaksi
-bahawa hal yang sedemikian ini
-kurang berkesan serta berupaya
-menjejaskan sistem pendidikan
-kebangsaan sebagai satu sistem
-pendidikan negara melalui Pelan
-Induk Pendidikan (2013-2016)
-yang berasaskan bahasa Melayu
-sebagai bahasa pengantar semua
-pelajaran. Hal yang sedemikian
-ini belum termasuk dalam konteks
-perspektif luar perlembagaan
-negara.

Realiti Bahasa Kebangsaan Tercabar: Bahasa Melayu dan Globalisasi

Bahasa Inggeris merupakan
-warisan bahasa kolonial sejak
-akhir abad ke-18 lagi melalui
-penjajahan. Di sinilah bermulanya
-penyebaran bahasa Inggeris
-dalam konteks pendidikan dan
-perdagangan sehingga menjadi
-bahasa antarabangsa. Apabila
-sudah merdeka, negara-negara
-yang dijajah Inggeris, termasuk
-Malaysia, menyesuaikan dalam
-sistem pendidikan.

Malaysia memilih bahasa
-Inggeris sebagai bahasa kedua.
-Namun, dalam banyak aspek,
-didapati bahawa bahasa Inggeris
-sangat dominan, khususnya dalam
-dunia perdagangan dan ekonomi.
-Malah, sejak tahun 1993, 1996 dan
-2002, ruang terbuka luas untuk
-bahasa Inggeris terus berkembang
-dan diutamakan dan hal yang
-sedemikian ini menyebabkan

pejuang bahasa kebangsaan berasa
-bahawa bahasa Melayu kurang
-dimartabatkan dalam kebanyakan
-sektor, khususnya pendidikan
-tinggi, perdagangan, ekonomi,
-dan malah seolah-olah menjadi
-bahasa golongan elit di negara ini
-yang sekitar 10 hingga 15 peratus
-sahaja. Namun, pengaruh golongan
-ini begitu dominan dalam tadbir
-urus negara dan sebagai kumpulan
-pedesak moderat.

Namun, dalam konteks
-globalisasi, bahasa Inggeris sudah
-tidak lagi dianggap sebagai
-bahasa kolonial, akan tetapi
-sebagai bahasa antarabangsa
-dan bahasa penghubung antara
-satu negara dengan negara
-lain. Amerika Syarikat yang
-mempunyai peranan penting
-dan menjadi kuasa dunia selepas
-Perang Dunia Kedua membantu
-menyebarkan penggunaan bahasa
-Inggeris melalui dunia hiburan
-Hollywood untuk mempengaruhi
-negara bukan berbahasa Inggeris,
-khususnya negara di Asia. Perkara
-ini menyebabkan bahasa Inggeris
-dituturkan dan ditulis secara
-lebih meluas lagi pada peringkat
-antarabangsa. Malaysia yang
-sudah diserapi pengaruh legasi
-kolonial terus disuburkan oleh
-peluasan hegemoni Amerika
-Syarikat. Sifat luwes dengan
-menggunakan alasan bersaing
-secara lebih kompetitif pada
-peringkat global begitu terserlah.
-Hal yang sedemikian ini timbul
-apabila berlakunya penguncupan
-ekonomi pasaran kerja dan dana
-latihan untuk orientasi pekerjaan
-berkurangan. Hal yang sedemikian
-ini pula menyebabkan majikan
-tidak mampu melatih semula,
-lantas mengenakan syarat
-baharu, iaitu kefasihan bahasa
-Inggeris atas alasan keperluan
-pengantarabangsaaan. Langkah
-yang sedemikian ini kelihatan aneh
-kerana pemenang hadiah nobel
-masing-masing melaksanakan
-kajian mereka dalam bahasa ibunda
-seperti Jepun, Jerman, Sepanyol,
-Perancis, dan sebagainya.

Berdasarkan situasi ini, ternyata
-faktor sejarah, identiti dan jati
-diri rakyat Malaysia menentukan
-dasar dan situasi bahasa di negara
-ini. Sewajarnya kemahuan rakyat
-majoriti dipenuhi, manakala
-kehendak golongan elit perlu
-diseimbangkan dengan keperluan
-rakyat. Pada masa yang sama,
-keazaman politik menentukan
-arah dan dasar negara, khususnya
-dalam hal memartabatkan bahasa
-kebangsaan sejajar dengan
-kehendak perlembagaan negara dan
-suara majoriti penduduk negara. DB